



Ma'ahad
An-Noer

PROGRAM TAFUQUH

PROGRAM TAFUQUH

Outcome-Based Education (OBE) – Program Tafuquh

Edisi ketiga 2025

Edisi kedua 2021

Edisi pertama 2018

Dibangunkan oleh Unit Pendidikan, Ma'ahad An-Noer

Hak Cipta © Ma'ahad An-Noer

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada bahan ini boleh disalin semula dalam mana-mana cara tanpa kebenaran secara bertulis daripada Ma'ahad An-Noer.

annoer.com.my

Ringkasan KANDUNGAN

Panduan Program

- 03** Program Tafaqquh
Pengamatan Ilmu Islam
- 04** Tercetusnya Program Tafaqquh
Sejajar Dengan Matlamat
- 05** Melahirkan Generasi Rabbani
Pengajian Intensif
- 06** Program “Fast-Track”⁴ ½ Tahun
- 07-13** Keunikan Tafaqquh
Program Utama
- Talaqqi
 - Muzakarah
 - Iktisar Kitab
 - Karya Tulis
 - Muhafazah
 - Muhadharah
 - Bahtsul Masail
- 14** Silibus Tafaqquh
- 15** Penutup

PANDUAN PROGRAM

PROGRAM TAFALQUH

Tafaqquh definisinya ialah pengajian tinggi Ilmu Islam yang memperkenalkan Islam secara syumul dari pelbagai aspek baik dari sudut imaniyat, syariat, tariqah dan sulukiyah.

PENGAMATAN ILMU ISLAM

Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki menukar nama Ma'ahad Aly Lit Dirasah Islamiah Pengajian Tinggi Ilmu Islam kepada Ma'ahad Aly Lit Tafaqquh Fiddin. Dari pengamatan Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin ketika beliau di Mesir, pada akhir-akhir tahun 2000 semakin ramai pelajar Malaysia dan Indonesia yang menyambung pelajaran ke timur tengah secara khusus ke Universiti Al-Azhar. Tetapi ternyata dari sudut pengamatan, penguasaan mereka terhadap ilmu islam tidak begitu meyakinkan atau tidak memuaskan. Dengan erti kata lain tidak memadai. Ini adalah kerana kurikulum atau silibus yang dipelajari di sana mungkin tidak terlalu tinggi atau tiada perhatian yang diambil oleh pelajar-pelajar sendiri sehingga yang telah mendapatkan ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana sekalipun itu tidak terlalu meyakinkan terutama dalam bidang syariat.

TERCETUSNYA PROGRAM TAFUQUH

Melihat keadaan seperti itu tentang pendidikan di Universiti Al-Azhar khususnya dalam bidang ilmu syariat, Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin merasa ilmu yang beliau pelajari semasa di kuliyyah syariah selama 4 tahun di peringkat ijazah sarjana muda kemudian sambung di peringkat ijazah sarjana 2 tahun, itu masih belum cukup serta masih belum mampu untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran atau juga masalah-masalah baru dan kontemporari, dan yang paling penting masyarakat yang semakin hari semakin berani menentang syariat dan juga menyalah agama Allah Ta'ala.

Melihat keadaan sedemikian, Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin mewujudkan program tafuquh untuk membekalkan mahasiswa dengan ilmu agama yang lengkap menguasai dalam bidang syariat, fiqih, hadith, usul, tasawwuf dan juga dalam bidang ilmu tsaqofah, ilmu islam secara keseluruhannya tentang sejarah, mustolah, syamil, khususiat, tentang ilmu halal dan haram yang berkenaan dengan masalah-masalah kontemporari agar ketika mereka mempelajari silibus yang ditetapkan dalam program tafuquh, mereka tidak kaku ketika berhadapan dengan perkembangan masa atau waktu dalam dunia hukum, dalam dunia halal dan haram.

SEJAJAR DENGAN MATLAMAT

Dari sudut matlamat bertujuan melahirkan generasi rabbani, yang benar-benar menguasai ilmu syariat tidak hanya penguasaan dari sudut maklumat atau kulit, tetapi juga maklumat yang berdasarkan kajian secara intensif dibaca dipelajari daripada awal kitab hingga selesai dalam erti kata lain dari kulit ke kulit.

MELAHIRKAN GENERASI RABBANI BUKAN SEKADAR BERILMU SAHAJA

Selain itu, tidak hanya melahirkan generasi yang berilmu tetapi beramal dan juga berdakwah dalam kategori rabbani al-alim, berilmu, beramal, berdakwah tulus ikhlas kerana Allah Ta'ala dengan akhlak sopan santun yang baik. Oleh itu, lebih menitikberatkan kepada ilmu ditambah dengan diamalkan dengan adab.

PENGAJIAN YANG INTENSIF

Selain daripada itu, lahirnya pengajian tafaqquh yang mana dengan tahap pengajian insyaAllah lebih tinggi dari tahap PHD apa lagi sekadar sarjana muda atau sarjana kerana Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin memilih beberapa subjek yang tidak dipelajari di dalam PHD, program ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana. Tetapi sebahagiannya ada juga yang dipelajari pada program ijazah atau program yang sebelumnya sebagai pelengkap.

Maka kalau dari silibus tafaqquh pengajian tinggi ilmu islam atau ilmu syariat yang secara intensif ini dengan silibusnya yang pertama ditambah dengan kitab-kitab klasik, buku-buku moden, kitab-kitab kontemporari yang diskusikan yang ikuti perkembangan isu semasa, insyaAllah yang walaupun masih belum mempunyai dari sudut gelaran, tetapi pelajar tidak akan kurang bersaing dari sudut keilmuan, kemampuan, dan juga penguasaan jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang menyelesaikan pengajian di timur tengah.



PROGRAM “FAST-TRACK” 4 ½ TAHUN

Secara keseluruhannya, dari sudut silibus insyaAllah lebih lengkap, lebih padat dan juga lebih meyakinkan kerana Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin memilih menggunakan kitab-kitab klasik, kitab-kitab yang memang dipastikan tentang keilmuan dan kesufian daripada para pengarangnya.



Kemudian dari sudut tahap pendidikannya, sudah pasti Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin menggabungkan pengajian antara tahap program kuliyah dengan tahap program ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana. Sebagai contoh, dalam tempoh 4 tahun pendidikan al-

Bermakna pengajian tafaqquh ini minimum pada setiap hari diantara 4 hingga 5 buah kitab. Kebiasannya sistem kuliyah atau program ijazah itu hanya 3 kali sehari, manakala Dirasah Uliya dalam 2 kali sehari. Kesemua program ini Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin menggabungkan dalam tempoh 4 ½ tahun. Kemudian dari sejumlah silibus yang diwajibkan untuk dipelajari, pelajar juga akan membaca kitab Kutub al-Sittah. Ini cukup banyak diantaranya kitab Misykat al-Masabih, kitab Jami'us Soghir, kitab Al-Azkar, kitab Riyadhus Solihin, kitab Sahih al-Bukhari, kitab Sahih Muslim, kitab Sunan Abu Dawud, kitab Jami' at-Tirmizi yang sehingga penguasaan daripada mutakharrij (mahasiswa) pengajian program tafaqquh tidak hanya sekadar ahli hukum tetapi mampu berbahas dengan dalil baik itu pada Al-Quran atau juga dari hadith Rasulullah SAW.

Oleh itu mahasiswa tafaqquh tidak kaku dalam membahaskan hukum hakam tidak seperti sebahagian pondok-pondok pesantren dan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain, yang hanya menguasai dalam bidang hukum tetapi tidak menguasai dalam bidang tadlil dan ta'lil. Tadlil itu pendalilannya manakala ta'lil itu alasannya. Ini amat ditekankan di program tafaqquh.

KEUNIKAN TAFALQQUH

Diantara matlamat Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin untuk mahasiswa yang mengikuti program tafalqquh ini di mana mereka akan lahir dengan mempunyai wawasan yang luas dengan keterbukaan yang baik, tidak akan menjadi orang-orang yang melampau yang sempit wawasannya atau pemikirannya kerana mereka dididik dan diberikan dengan ilmu asbab perbezaan pendapat para ulama'. Sebagai contoh: Kenapa sampai terjadinya perbezaan pendapat? Kenapa adanya 4 mazhab? Kenapa perbezaan mazhab tidak membawa kepada perpecahan umat justeru membawa kepada perpaduan umat? Inilah diantara daripada keunikan yang ada dalam program Tafalqquh.

Setelah hampir 10 tahun lebih beroperasi, pelajar-pelajar tafalqquh yang secara khusus rajin, yang mempunyai potensi, serta ghairah, alhamdulillah tidak mengecewakan malah mampu bersaing dan mampu tampil dengan baik di masyarakat dan juga di khalayak orang ramai walaupun masih bergelar pelajar.

PROGRAM UTAMA

Diantara program utama yang diterapkan di dalam marhalah tafalqquh di mana seluruh pelajar wajib menyelesaikannya sebagai syarat untuk graduasi:

Syarat Graduasi		
1. Talaqqi	2. Muzakarah	3. Ikhtisar Kitab
4. Ta'lif (karya tulis)	5. Muhafazah	6. Muhadharah (pidato)
7. Bahtsul Masail	8. Lughoh	9. Khatam Al-Quran

1

TALAQQI

Program utama setiap pelajar iaitu mempelajari ilmu dan mengambilnya terus daripada guru yang bersanad dan berkemampuan untuk menyampaikan ilmu yang dipelajari.

Waktu Talaqqi:	Setiap hari
Kaedah:	Pelajar membaca terlebih dahulu kitab yang akan diajarkan di hadapan guru. Kemudian guru menerangkan erti setiap kosakata dan maksud dari kalimat yang dibahas. Pelajar wajib memberi catatan mahupun harokat pada kitab yang diajarkan oleh guru, khususnya terhadap keterangan atau syarah yang belum tercatat dalam kitab.

2

MUZAKARAH

Program diskusi bersama membahas kitab-kitab yang ditentukan dari awal hingga khatam. Program ini bertujuan melatih pelajar agar belajar menyampaikan pengajian kitab dan bertanya sekitar ibaroh (kalimat) dalam kitab yang belum difahami.

Waktu Muzakaroh:	Selepas solat Maghrib dan waktu-waktu yang tiada pengajian.
Kitab:	Fathul Qorib, Umdatus Salik, Fathul Mu'in dan Minhajut Tholibin.
Kaedah:	Secara berkumpulan dan dipimpin oleh seorang ketua.

Program meringkaskan kitab dan menyampaikannya dalam waktu yang singkat. Program ini bertujuan agar pelajar di masa hadapan bukan hanya dapat menyampaikan ilmu di masjid atau di pondok, tetapi mampu menyampaikan pengisian ilmu di seminar, bengkel, mahupun daurah.

Waktu Ikhtisor:	Setiap bulan ditentukan oleh bahagian ta'lim.
Kitab:	Muallafat Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin dan kitab-kitab pembahasan lain.
Kaedah:	Disampaikan oleh satu kumpulan (kumpulan yang sama dengan kumpulan ta'lif) dengan jadual yang ditentukan oleh bahagian ta'lim. Pelajar wajib menuliskan terlebih dahulu ringkasan kitab, dan pelajar yang hadir wajib membaca kitab yang akan dibahas sebelum hadir majlis untuk memberikan pertanyaan kepada pemberi bahan ketika sesi soal jawab.

Program penyusunan karya tulis ilmiah dengan merujuk kepada kitab-kitab para ulama', baik turath (klasik) mahupun kontemporari. Program ini merupakan tugas wajib bagi setiap pelajar tafaqquh pada setiap semester secara berkumpulan. Manakala di semester 7 dan 8 diwajibkan secara individu serta menjadi syarat kelulusan tafaqquh.

Waktu Penulisan:	Sesuai waktu yang telah ditentukan.
Syarat Peperiksaan:	Menjadi syarat utama untuk menduduki peperiksaan.
Tempoh:	Minimum 1 kitab setiap semester.
Teknik Penulisan:	Secara berkumpulan.
Tajuk / Judul:	Bebas mengikut kumpulan tetapi wajib dipersetujui guru.
Waktu Penghantaran:	Sebulan sebelum peperiksaan.
Cara Penulisan:	Rujuk kepada kitab Tuan Guru Syeikh Muhammad Nuruddin (ضرب الدفوف).
Bahasa:	Penulisan wajib di dalam Bahasa Arab.
Tanggungjawab:	Setiap ketua kumpulan.
Minimum Penulisan:	10 halaman.

Program menghafal Al-Qur'an dan hadith sebagai bekal bagi pelajar dalam menyampaikan ilmu di masa hadapan. Sehingga diharapkan para pelajar dapat menyampaikan ilmu yang dimiliki dengan disertai dalil, baik dari Al Qur'an mahupun hadith.

Waktu Muhafazhoh:	Pelajar bebas memilih waktu sendiri setiap hari.
Sasaran:	1 juzuk dan 100 hadith per semester.
Kaedah:	Hadith wajib ditulis, hafalan dihantar kepada ketua yang dipilih, ditulis di buku laporan muhafazah masing-masing dan menjadi syarat untuk ambil peperiksaan.

6

MUHADHARAH (PIDATO)

Satu program latihan ceramah dan khutbah yang bertujuan melatih mental dan kemampuan pelajar menyampaikan ceramah atau khutbah di khalayak ramai.

Waktu Muhadharoh:	Sesuai waktu yang telah ditentukan.
Tempat Muhadharoh:	Perpustakaan (maktabah).
Tempoh Muhadharoh:	10 minit setiap orang.
Rukun Muhadharoh:	Quran, hadith, hikayat, kalam ulama dan syair.
Pengulas (Mulakkhis):	Pengerusi majlis.
Pemidato:	1 kumpulan (3 orang) setiap majlis.
Peraturan:	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kehadiran diwajibkan. ▪ Pemidato yang tidak cukup rukun muhadharah, wajib diulang. ▪ Pemidato yang tidak jalankan tugas, dibawa ke mesyuarat guru. ▪ Pemidato wajib menghantar rangka pidato kepada guru bertugas. ▪ Pemidato yang berpidato dengan membaca teks, wajib diulang.

Program yang sangat penting dalam melahirkan pelajar yang berilmu, kritis, bijak, dan relevan dengan zaman. Ia menjadi medan latihan untuk menjadi ulama' dan pemimpin masyarakat yang memahami teks dan konteks secara seimbang.

Program Bathul Masail bukanlah membuat pelajar menjadi ahli ijihad (mujtahid) yang mengistinbath hukum daripada dalil Al-Qur'an dan hadith. Namun semua kesimpulan hukum, perbezaan pendapat serta resolusi yang dihasilkan ini, berdasarkan dari kutipan 'ibarot (redaksi) atau mengqiyas dari masalah yang terdapat dalam kitab-kitab para ulama' dan fuqoha' muktabar, yang hasil ijihad mereka tentu lebih mendekati kepada kebenaran kerana memiliki kapasiti dalam berijihad.

Waktu Bahtsul Masail	Sekali dalam sebulan
Tempat Bahtsul Masail:	Perpustakaan (maktabah).
Tempoh Bahtsul Masail:	2 sesi (3 jam)

SILIBUS TAFUQUH

BIDANG	KITAB / SUBJEK	BIDANG	KITAB / SUBJEK
Tafsir	Rowai'ul Bayan (2jilid)	Hadith	Sahih Bukhari
	Tafsir Jalalain		Sunan Abi Daud
Fiqih	Umdatus Salik		Sunan Tirmidzi
	Minhajut Tolibin		Sunan Ibnu Majah
Tauhid	Aqidah Thohawiyah		Jami'us Soghir
Tasawwuf	Tanbihul Mughtarin		Tahzibul Misykatil Masobih
	Nasoih Diniyyah		Muwattho'
	Risalah Mustarsyidin		Rohiqul Makhtum
	Bustanul Arifin		As-Syifa'
Tarikh	Tarikhul Khulafa'		Siroh
	Tarikh Tasyri'	Syamail Muhammadiyah	
Ulum Quran	At-Tibyan	Adab wa Akhlak	Jami' Bayanil Ilmi
Mustolah Hadith	Tadribur Rowi		Al-Kabair
Usul wal Qoidah Fiqh	Ad-Durorul Bahiyah	Fiqhul Muqorin	Iqtidhoul Ilmi Wal Amal
	Al-Insof		Al-Ijma'
	Al-Lumma'	As-Sunnah wal Bid'ah	
	Al-I'tibar	Taufiqul Bari Syarah Al- Idhoh Fi Manasik Haji	
			Ma'lumat Tuhimmuk
		Lain-Lain	Al-Ihathoh
			Al-Mahdi Al-Muntazhor
			Adabul Mufrod

PENUTUP

Sila hubungi nombor telefon dan email yang tertera seperti di bawah bagi sebarang pertanyaan mengenai program atau kemasukan.



Ma'ahad An-Noer

Lot 5559, Kg. Chemporoh, Janda Baik, 28750 Bentong,
Pahang Darul Makmur



Hubungi / whatsapp:

+6013-340 2168



Emel:

management.maahadannoer@gmail.com